

25/05/2005

Mahathir-Proton

DR MAHATHIR SEDIH KERETA LUAR BANJIRI PASARAN TEMPATAN

PUTRAJAYA, 25 Mei (Bernama) -- Penasihat Proton Holdings Bhd Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa sedih dengan banjir kereta asing di Malaysia yang menampakkan seolah-olah pengeluar kereta nasional tidak lagi diberi perlindungan.

Bekas perdana menteri itu berkata kereta yang diimport itu termasuk dari negara yang tidak membenarkan Proton memasuki pasaran mereka.

"Ia dijual dengan bebas di Malaysia. Di sini, kita ada kereta dari semua jenama. Perkara ini tidak berlaku di negara lain," katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Dr Mahathir berkata punca kemerosotan penguasaan Proton di pasaran tempatan tidak sukar untuk difahami.

"Ia merosot kerana kita mengimport terlalu banyak kereta luar. Saya percaya, untuk mengimportnya, seseorang itu perlu ada AP. Nampaknya mereka memberi AP dengan agak bebas," kata beliau.

Kata Dr Mahathir: "Kereta buatan China akan datang ke sini, kereta Chevrolet yang dibuat di Korea pun ada di sini dan kereta Korea juga banyak masuk ke sini. Idea bahawa kita perlu melindungi kereta nasional sudah tidak ada lagi."

Dr Mahathir berkata Proton memang sedar ia perlu bersaing dengan pengeluar kereta lain.

"Memanglah kami kena bersaing, tapi orang lain tidak benarkan Proton memasuki negara mereka dengan agak bebas.

"Kita benarkan mereka membawa masuk (kereta) dengan bebas tapi apabila anda pergi ke negara mereka, adakah anda lihat banyak kereta Proton? Tidak," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata kereta Proton tidak lagi terlalu mahal sekarang.

"Jika anda tolak duti eksais dan semua yang lain, ia amat murah. Tapi kami tidak boleh ke sana (ke pasaran mereka).

"Bagaimanapun, semua orang datang ke Malaysia, sesiapa saja yang ingin menjual apa juga kereta akan datang ke Malaysia," kata beliau dengan nada menyindir.

-- BERNAMA

MAM SP KHY